

MAG
2021

Aspirasi
Kegemilangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

SEKALUNG TAHNIAH

Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Anggota Pekerja PKNP merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail merangkap Pengerusi PKNP di atas penganugerahan Pangkat Brigedier Jeneral (Kehormat).



SETINGGI-TINGGI TAHNIAH

Diucapkan kepada
YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., AMP.
MENTERI BESAR PAHANG

atas
PENGANUGERAHAN PANGKAT
BRIGEDIER JENERAL (KEHORMAT)

Teknik daripada
Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan
Seluruh Warga Kerja PKNP

SEKALUNG TAHNIAH

Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Anggota Pekerja PKNP merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak di atas penganugerahan pangkat Kolonel (Kehormat).



SETINGGI-TINGGI TAHNIAH

Diucapkan kepada
DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.
SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

atas
PENGANUGERAHAN PANGKAT
KOLONEL (KEHORMAT)

Teknik daripada
Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan
Seluruh Warga Kerja PKNP

LAWATAN TAPAK KE PROJEK PEMBANGUNAN DI MARAN

Maran, 23 Mac - Satu lawatan tapak yang diketuai oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, Dato' Abd Rahim bin Muda ke Taman Jaya Diri, Chenor, Maran telah diadakan pada hari ini.

Lawatan tapak ini bagi meninjau proses baik pulih projek perumahan kos rendah kerajaan (PAKR) yang telah terbengkalai.

Projek ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada penduduk sekitar dan seterusnya memberi peluang kepada anak jati setempat memiliki rumah sendiri.

Lawatan ini turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar, Pengurus Bahagian Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim dan Pengurus Pembangunan Hartanah, Kaptn. Azis bin Muhamad.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP turun padang melihat proses baik pulih projek perumahan kos rendah

LAWATAN DATO' ABD RAHIM BIN MUDA KE KOMPLEKS TERUNTUM



Dato' Abd Rahim bin Muda meluangkan masa bertemu para peniaga Kompleks Teruntum

Kuantan, 15 Mac - Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, Dato' Abd Rahim bin Muda telah melakukan lawatan ke Kompleks Teruntum, Kuantan baru - baru ini.

Lawatan kali ini bagi melihat perkembangan terkini Kompleks Teruntum dan bertemu para peniaga di dalam Kompleks Teruntum.

Lawatan ini turut disertai oleh Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Bahagian Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim, Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim, Pengurus Bahagian Pembangunan Hartanah, Kapt. Azis bin Muhammad dan pegawai - pegawai PKNP.

LAWATAN KERJA PENERUSI JAWATANKUASA KERJA RAYA, PENGANGKUTAN DAN KESIHATAN NEGERI PAHANG KE KAWASAN PERINDUSTRIAN TANJUNG AGAS, PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR

Kuantan, 4 Mac - Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman telah mengadakan lawatan kerja ke Kawasan Perindustrian Tanjung Agas, Pekan, Pahang Darul Makmur pada 4 Mac 2021.

Lawatan julung kali ini bertujuan untuk melihat perkembangan pembangunan di kawasan perindustrian tersebut serta mengenal pasti isu-isu berbangkit untuk tindakan sewajarnya.

Kawasan Perindustrian Tanjung Agas, Pekan adalah sebuah kawasan perindustrian yang berpotensi untuk menarik pelabur asing dan pelabur tempatan. Kesemua infrastruktur asas telah lengkap serta kelulusan-kelulusan asas telahpun diperoleh bagi membolehkan pembangunan dijalankan.

Turut hadir semasa lawatan ini adalah ADUN Peramu Jaya, YB. Dato Sri Haji Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali, wakil PKNP iaitu Pengurus Bahagian Perindustrian, Pengurus Teknik dan Penolong Pengurus Bahagian Perindustrian, barisan Pengurusan TGA Solutions Sdn. Bhd. serta wakil-wakil daripada jabatan dan agensi teknikal kerajaan negeri yang berkaitan termasuk PLAN Malaysia, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Pahang, Majlis Daerah Pekan, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Pekan dan lain-lain.

PERJUMPAAN BERSAMA TIMBALAN MENTERI KEWANGAN II

Putrajaya, 4 Mac - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar melakukan perjumpaan bersama Timbalan Menteri Kewangan II, YB. Tuan Mohd Shahr bin Abdullah hari ini.

Perjumpaan kali ini bagi membincangkan kerjasama dua hala antara PKNP dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi perancangan projek di kawasan Parlimen Paya Besar serta projek-projek PKNP lain.

Beberapa perkara telah dibincangkan dan kedua-dua pihak saling bertukar fikiran terutama bagi memajukan kawasan di sebelah Kuantan Barat.

Turut hadir adalah Pengurus Bahagian Pemantauan Perniagaan PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Bahagian Pembangunan Hartanah PKNP, Kapt. Azis bin Muhammad serta wakil dari UTM, Dr. Mohd Khairuddin bin Ramly dan Encik Noor Zihan Ahmad Zainuri.



Pertemuan empat mata bersama YB. Tuan Mohd Shahr bin Abdullah bersama Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Pengurus - Pengurus PKNP dan wakil daripada UTM



YB. Dato Sri Norolazali bin Sulaiman turut melakukan lawatan tapak bagi melihat perkembangan pembangunan di Kawasan Perindustrian Tanjung Agas, Pekan

PKNP BERSAMA MARIi DAN WORLD GLOVE CITY (WGC) BAKAL BANGUNKAN HUB PEMBANGUNAN SARUNG TANGAN GETAH



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun menandatangani perjanjian kontrak bagi mewakili PKNP

Putrajaya, 26 Mac - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) hari ini menandatangani kontrak bersama World Glove International Group City & Hub Development Sdn Bhd (WGC) untuk membangunkan Hub Pembangunan sarung tangan getah dan produk - produk PPE.

Turut berlangsung adalah majlis menandatangani perjanjian antara Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARIi) dan WGC.

Perjanjian bagi Fasa 1 ini melibatkan pelaburan berjumlah RM 100 juta di atas kawasan seluas 317 ekar di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan. Pembinaan bagi Fasa 1 dijangka bermula pada Jun 2021 dan akan siap pada Disember 2021.

Pembuatan sarung tangan getah dan produk PPE ini mensasarkan pasaran Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Tenggara.

PKNP diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan Pengurus Bahagian Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARIi), Dato' Ts. Madani Sahar dan Ketua Pegawai Eksekutif WGC, Dato' Gianluca Ernesti.

PKNP ATUR PERTEMUAN DUA HALA BERSAMA TPM TECHNOPARK SDN BHD

Kuantan, 9 Mac - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah mengatur perbincangan dua hala bersama TPM Technoparks Sdn. Bhd. (TTSB), anak syarikat milikan penuh Johor Corporation (JCorp) untuk membincangkan dan mendapatkan maklumat mengenai sektor industri kecil dan sederhana (IKS) di Negeri Pahang.

Sesi pertemuan yang julung kali diadakan ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun. Perbincangan ini adalah merupakan platform terbaik bagi membolehkan usahawan - usahawan IKS Negeri Pahang meneroka peluang bagi mengembangkan perusahaan mereka ke Negeri Johor dan di Pasir Gudang khususnya. Malah pihak TTSB juga turut berkongsi status terkini pembangunan Kompleks IKS Pasir Gudang, Johor.

Hadir bersama Pengurus Bahagian Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim, Penolong Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya dan Penolong Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat, Puan Nor Azlin binti Ahmad. Pihak JCorp dan TTSB diwakili oleh Encik Adi bin Yaakob dan Encik Mohamad Nur Rizan bin Ahmad Muhi.



Lawatan julung kali oleh TPM Technoparks Sdn. Bhd. (TTSB) ke PKNP

MESYUARAT PENYELARASAN PROJEK PELABURAN BERPOTENSI - GEBENG HARBOUR CITY



Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar

Kuantan, 19 Mac - Satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan di antara PKNP dan pihak pelabur berpotensi, CBG builders Sdn Bhd bagi membincangkan cadangan pembangunan bercampur di kawasan perindustrian Gebeng.

Perbincangan adalah tertumpu kepada cadangan komponen - komponen pembangunan yang ingin dibangunkan serta konsep awal yang dirancang.

Walaupun bagaimanapun, cadangan pembangunan projek ini masih diperingkat awal dan kajian - kajian terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan pembangunan projek ini dapat direalisasikan sewajarnya.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dan turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Pengurus Bahagian Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Bahagian Kewangan, Encik Dino Rizal bin Kamaruzzaman, Penolong Pengurus Bahagian Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani, Penolong Pengurus Unit Pemantauan Perniagaan, Puan Norashikin binti Abd Jalil, Penolong Pengurus Bahagian Pembangunan Strategik, Puan Hafifazlin binti Mat Kenali.

KUNJUNGAN KE NATURAL BATIK VILLAGES, CHENGAL LEMPONG, KUANTAN

Kuantan, 22 Mac - Pejabat SUK Pahang menganjurkan satu program kunjungan pada 21 Mac 2021, jam 10.00 pagi ke Natural Batik Villages, Chengal Lemping bersama Isteri - Isteri Perwakilan / Head of Mission yang hadir ke Negeri Pahang.

Kunjungan kali ini adalah sebahagian daripada Head of Mission and Spouses Orientation Courses 2021.

Di Natural Batik Villages, para isteri perwakilan telah diraikan oleh isteri kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Puan Zuhaira binti Zainordin yang mewakili isteri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Yang Berbahagia Datin Sri Kamariah binti Mohamad. Turut hadir adalah isteri kepada Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, Yang Berbahagia Datin Indera Noorhayati binti Ismail dan Pengurus ICT PKNP, Puan Nor Azilah binti Abdul Aziz.

Di sini, para isteri perwakilan berpeluang untuk melakukan pelbagai aktiviti di pusat batik ini antaranya adalah aktiviti mencanting batik.

Setelah selesai aktiviti di Natural Batik Villages, para isteri perwakilan di bawa ke Restoran Jaman Tory, Indera Mahkota untuk menikmati lauk pauk tradisi Negeri Pahang. Jamuan tengah hari ini dianjurkan oleh isteri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Yang Berbahagia Datin Sri Kamariah binti Mohamad.



Para isteri perwakilan yang bersama - sama dalam program kunjungan ke Natural Batik Villages, Chengal Lemping, Kuantan

PKNP TANDATANGAN MOA BERSAMA TGA SOLUTIONS SDN BHD



Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak turut menyaksikan perjanjian PKNP bersama TGA Solutions Sdn Bhd

Genting Highlands, 18 Mac - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar mewakili PKNP hari ini menandatangani perjanjian bersama TGA Solutions Sdn Bhd di Awana Hotel dan Resort, Genting Highlands.

TGA Solutions Sdn Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato Haji Amiruddin bin Mohd Said dan ahli-ahli Lembaga Pengarah.

Perjanjian ini adalah susulan dari MoU yang telah ditandatangani beberapa bulan yang lalu.

Perjanjian pengurusan pasir ini menggariskan peranan-peranan PKNP dan TGA Solutions Sdn Bhd setelah konsesi pasir diperolehi kelak.

Hadir sama Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Pengurus Bahagian Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Penolong Pengurus Bahagian Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani.

Sidang Redaksi

Penaung / Penasihat
Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penyelaras Penerbitan
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

Ketua Editor
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

Grafik
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
Encik Nik Mohd Khayimi bin Nik Kamarulzaman

Jurufoto
Encik Saiful Azli bin Yahia
Encik Nik Mohd Khayimi bin Nik Kamarulzaman

JAMUAN MALAM MERAIKAN PERWAKILAN / HEAD OF MISSION & SPOUSES ORIENTATION COURSES 2021



Cenderamata Tenun Pahang Diraja daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) hari ini menganjurkan jamuan malam untuk meraikan hampir 30 perwakilan dari Kementerian Luar Negeri (KLN) dan pasangan masing - masing yang sedang menjalani program Head of Mission & Spouses Orientation Courses 2021. Para perwakilan ini akan berkhidmat di kedutaan Malaysia di luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar dalam ucapannya pertama - tamanya mengalu-alukan kehadiran perwakilan dan pasangan masing-masing ke jamuan malam ini.

Beliau juga berkongsi transformasi PKNP selama lebih 50 tahun penubuhannya dan peranan PKNP dalam agenda pembangunan Negeri Pahang. PKNP sebagai One Stop Agency telah memainkan peranan yang penting dalam memudahkan para pelabur untuk memulakan perniagaan di Negeri Pahang.

PKNP bersama Bahagian Hubungan Antarabangsa Pejabat SUK Pahang, MIDA, MITI dan agensi - agensi lain telah bekerjasama dengan jayanya dalam mempromosikan dan memuktamadkan pelaburan ke Negeri Pahang terutama di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan.

Dari 1987 hingga Disember 2020, 657 projek melibatkan jumlah pelaburan RM 62.73 billion dengan RM 50.40 billion melibatkan pelaburan asing dan RM 12.33 bilion adalah pelaburan domestik.

Diharapkan hubungan yang dibina pada malam ini akan berkekalan dan para perwakilan akan turut membantu PKNP dalam mempromosikan peluang pelaburan di Negeri Pahang di negara - negara yang mereka akan berkhidmat.

Majlis ini telah dihadiri oleh Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Yang Berhormat Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Pelbagai Hala, Kementerian Luar Negeri, Dato' Nadzirah binti Ismail, wakil - wakil Kerajaan Negeri Pahang, Pengurusan Tertinggi PKNP, Pengurus - Pengurus Bahagian dan Unit serta Pegawai - Pegawai yang terlibat.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI & KEUSAHAWANAN TERIMA KUNJUNGAN UMP DAN MAXIS BERHAD

Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) Encik Nasry bin Kassim menerima kunjungan Kap. Imaduddin Abidin dan Dr Anita Abdul Rani dari Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Perjumpaan ini bagi membincangkan Program Pendigitalan Perniagaan dan Pembangunan Sosial Enterprise (SE) serta kerjasama yang boleh diwujudkan selaras dengan idea-idea perniagaan dan landskap sosial yang ingin dilestarikan untuk usahawan dan komuniti di Negeri Pahang.

Seterusnya bahagian ini turut menerima kunjungan daripada Head of SME Sales Eastern Region, Maxis Berhad iaitu Puan Low Tien Suan @ Michell dan Norsaliha binti Nordin. Pada sesi ini Puan Michell telah membentangkan berkaitan Geran Digitalisasi PKS Maxis Berhad. Geran ini adalah salah satu inisiatif oleh Kerajaan dibawah Penjana untuk dipohon oleh usahawan yang berkelayakan.

Segala maklumat dan hasil dari sesi perbincangan yang diadakan sangat bermanfaat untuk disalurkan kepada usahawan-usahawan di Negeri Pahang.



Encik Nasry bin Kassim bersama Puan Low Tien Suan mewakili Maxis Berhad

Bahagian ini merancang untuk mengadakan sesi lanjutan berupa kursus atau diskusi peluang niaga bersama usahawan- usahawan yang berminat.

Turut hadir Penolong Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya.

SALAM ISRA' DAN MI'RAJ

Peristiwa Isra' dan Mikraj tercatat dalam sejarah sebagai salah satu peristiwa penting dalam kalendar Islam.

Perjalanan, perjuangan, pengorbanan dan kasih sayang Rasulullah S.A.W terangkum dalam peristiwa Isra' dan Mikraj.

Ikhlas dari Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Warga Kerja PKNP.

Selamat Memperingati


Isra' Mi'raj

11 Mac 2021 bersamaan 27 Rejab 1442H

Antara sifat orang yang beriman adalah mengakui dan mempercayai perkara-perkara yang ghaib.

"Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka."

(Surah Al-Baqarah : 3)



Ikhlas Daripada

Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan,
dan Warga Kerja PKNP

PKNP ATUR SESI TEMUDUGA BAKAL PENYEWA KEDAI DESA RAKYAT KUALA KERDAU



Sesi temuduga telah dijalankan di premis Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau, Temerloh

Temerloh, 4 Mac – Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) melalui Bahagian Pemasaran dan Pengurusan Harta telah mengatur sesi temuduga untuk bakal penyewa Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau, Temerloh bagi memilih penyewa yang akan menyewa enam (6) lot premis Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdau.

Seramai 12 bakal penyewa yang disenarai pendek telah ditemuduga oleh wakil Adun Kerdau Encik Ahmad Zamri bin Omar@Omar Hashim, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan Pengurus Bahagian Pemasaran dan Pengurusan Harta, Puan Suliyati binti Abdul Rahman.

Turut hadir adalah Penghulu Mukim Kerdau Encik Ahmad Kaha bin Mohd Taib dan Puan Suhaili binti Mohd Kenali, Penolong Pengurus Bahagian Pemasaran dan Pengurusan Harta yang bertindak sebagai Pegawai Penyelaras.

PROGRAM SIRI BIMBINGAN MASTER YOUR OWN BUSINESS (MYOB) BERSAMA PENIAGA - PENIAGA BUMIPUTERA KOMPLEKS TERUNTUM

Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) hari ini mengadakan program MYOB bersama peniaga-peniaga Kompleks Teruntum.

Program ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada peniaga mengenai prestasi perniagaan, keperluan bimbingan dan sesi 'brainstorming' untuk cadangan program-program bagi menarik orang datang ke Kompleks Teruntum.

Dalam program ini Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim membentangkan kertas kerja bertajuk "Business Dalam Norma Baru".

Program ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan Pengurus Badan Bersama Pengurusan Kompleks Teruntum, Encik Muhammad Aidy Akmal bin Lyon Ardyka Pradana.



Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim turut berkongsi mengenai program-program usahawan PKNP